



SULIT

12

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENDIDIKAN ISLAM
SPM KERTAS 1
MASA 2 JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Bahagian A, calon dikehendaki menjawab semua soalan.*
3. *Bahagian B, calon dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja. Soalan 1 dan soalan 2 adalah wajib, soalan 3 dan soalan 4, adalah pilihan calon.*
4. *Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman

1223/1

Dapatkan skema Jawapan di Laman

[Lihat sebelah
SULIT

www.banksoalanspm.com

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D. Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Manakah antara berikut iktikad yang dipegang oleh Syiah Zaidiyyah ?
 - A Mengharuskan perkahwinan mut'ah
 - B Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak
 - C Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh Ahli Hadis
 - D Kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran

- 2 Satu daripada berikut **bukan** syarat taubat .
 - A Berhenti daripada melakukan maksiat
 - B Menjaga hubungan baik sesama manusia
 - C Meminta maaf daripada orang yang pernah disakiti
 - D Menyesal dengan sebenar-benarnya atas maksiat yang telah dilakukan .

- 3 Mereka yang berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah SWT adalah digelar ...
 - A murtad
 - B munafik
 - C mulhid
 - D musyrikin

- 4

Ajaran ini diasaskan oleh Hussain Ali Al-Mazandarani. Antara ajaran yang dibawa ialah alam bersifat baqa' (kekal) dan Nabi Isa a.s disalib .
--

- Pernyataan diatas merujuk kepada ajaran
 - A Bahai
 - B Syiah
 - C Taslim
 - D Qadiyani

- 5 Berikut adalah hikmah pengharaman riba' *kecuali*
 - A Mewujudkan kestabilan ekonomi
 - B Mewujudkan masyarakat yang prihatin
 - C Menegakkan keadilan dalam masyarakat
 - D Mencegah sifat mementingkan diri sendiri

[Lihat sebelah
SULU]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

- 6 Di manakah miqat makani bagi jemaah Malaysia yang menaiki kapal terbang terus ke Mekah ?
- A Zulhulaifah
 - B Yalamlam
 - C Zatul Irqin
 - D Qarnul Manazil
- 7 Jemaah haji yang hendak meninggalkan kota Mekah wajib mengerjakan
- A Tawaf Sunat
 - B Tawaf Qudum
 - C Tawaf Wada'
 - D Tawaf Ifadah
- 8 Manakah pernyataan berikut menerangkan tentang hikmah perkahwinan ?
- I Dapat menyelesaikan masalah
 - II Dapat membantu orang susah
 - III Mengelakkan perbuatan maksiat
 - IV Mengembangkan zuriat yang bersih
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
- 9 Seorang gadis hendak berkahwin . Siapakah yang paling berhak menjadi walinya?
- A Bapa
 - B Adik
 - C Abang
 - D Datuk
- 10 Berikut adalah perkara-perkara yang perlu dielakkan dalam perniagaan insurans *kecuai*
- A gharar
 - B hutang
 - C riba
 - D judi


11. Apakah yang perlu dilakukan apabila sesebuah syarikat terbatal ?
- I Menjual syarikat tersebut
 - II Mencari rakan kongsi baru
 - III Mendaftar semula syarikat
 - IV Mengiklankan syarikat di akhbar
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV
12. Berikut adalah jawatan-jawatan baru yang diwujudkan di zaman Khulafa' al-Rasyidin bagi memastikan negara berada dalam keadaan mantap .
- I Ketua Setiausaha
 - II Pegawai Pemungut Hasil
 - III Pegawai Polis
 - IV Hakim
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
13. Pengasas Kerajaan Bani Umayyah ialah
- A Yazid b Muawiyah
 - B Marwan b Al-Hakam
 - C Umar bin Abdul Aziz
 - D Muawiyah bt Abi Sufian
14. Berikut adalah kegiatan Baitul Hikmah dalam bidang pendidikan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah *kecuuli*
- A Pusat penterjemahan
 - B Pusat Penyelidikan ilmiah
 - C Pusat latihan para ilmuan
 - D Pusat percetakan bahan kajian
15. Antara bidang yang diterokai berteraskan wahyu pada zaman Abbasiyyah ialah
- I Ilmu Tafsir
 - II Ilmu Kimia
 - III Ilmu Tauhid
 - IV Ilmu Perubatan

- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 16 Hasil karya terkenal Ibnu Sina ialah
- A Al-Muwatta'
B Tafsir al-Azhar
C Al-Qanun Fi Tib
D Ihya' Ulumuddin
- 17 Apakah bukti Imam Malik r.a sangat memuliakan hadis ?
- I Duduk di tempat khas apabila mengajar hadis
II Mandi dan memakai bau-bauan sebelum mengajar hadis
III Sanggup merantau ke merata negara untuk mendapatkan hadis
IV Hanya menjadikan hadis sebagai sumber rujukan bagi menentukan hukum .
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 18 Semua pernyataan berikut adalah benar berkaitan Ibnu Khaldun *kecuali*
- A Karyanya yang terkenal ialah Risalah
B Pakar dalam bidang syariah dan pentadbiran
C Bukunya diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa
D Anugerah ilmiah berprestij di Universiti Amerika diberi sempena namanya
- 19 Berikut adalah hikmah beradab ketika menjaga pesakit *kecuali*
- A Mengukuhkan ekonomi negara
B Mewujudkan silaturrahim sesama Islam
C Meringankan penderitaan yang dialami pesakit
D Melahirkan sifat prihatin kepada golongan yang lemah
- 20 Hukum memberi sedekah dan hadiah adalah
- A Wajib
B Harus
C Sunat
D Makruh

Soalan 21 hingga Soalan 40.


Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21 Ajaran sesat yang diasaskan oleh Haji Muhammad bin Shafie dinamakan _____



- 22 P dalam rajah di atas adalah _____ .
- 23 Syirik terbahagi kepada dua iaitu _____ dan Jali .
- 24 Hukum orang yang lari dari medan perang adalah _____ .
- 25 Menuduh seorang yang baik berzina disebut juga sebagai _____ .
- 26 Suatu barang bernilai yang dicagarkan oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman dinamakan _____ .
- 27 Fahrin merujuk isterinya yang sedang dalam edah talak raj'ie tanpa persetujuan .
Hukumnya ialah _____

Soalan 28 dan soalan 29 berdasarkan rajah di bawah .
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul .



- 28 P dalam rajah di atas ialah _____ .
- 29 Q dalam rajah di atas ialah _____ .

[Lihat sebetan
SULIT]


Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

30 Pada 10 Zulhijjah jemaah haji diwajibkan melontar di Jamrah _____ .

Soalan 31 dan 32 berdasarkan rajah di bawah

STRUKTUR ORGANISASI KETENTERAAN KERAJAAN ABBASIYYAH



31 X dalam rajah di atas ialah _____ .

32 Y dalam rajah di atas ialah _____ .

33 _____ ialah harta yang diperolehi melalui jalan perdamaian setelah pihak musuh menyerah kalah .

34 Imam al-Bukhari r.a digelar _____ dalam kalangan ahli hadis seperti mana Umar al-Khattab r.a dalam kalangan para sahabat .

35 Kitab Sohih Bukhari sangat istimewa kerana ia hanya mengandungi hadis _____ sahaja.

36 Hussin bin Abdillah bin Hassan adalah nama sebenar _____ tokoh perubatan yang terkenal .

37 Manusia mampu mengetahui perkara ghaib melalui keterangan _____ kerana akal manusia terbatas .

38 Menjaga kemudahan awam sama seperti menyelamatkan _____ negara .

39 Hukum berjihad mempertahankan Negara daripada ancaman musuh adalah _____

40 Seorang ketua perlu dilantik apabila bermusafir dalam kumpulan yang terdiri daripada _____ orang atau lebih .

[Lihat sebelah
SULIT

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.

Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih satu sahaja daripada Soalan 3 atau Soalan 4.

- 1 (a) i. Apakah maksud sihir? [2 markah]
 ii. Nyatakan **dua** contoh sihir. [2 markah]
 iii. Jelaskan **dua** akibat perbuatan sihir. [4 markah]
- (b) Ajaran sesat meninggalkan banyak kesan buruk dalam masyarakat.
 i. Nyatakan **dua** contoh ajaran sesat di Malaysia [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat tersebut [4 markah]
 iii. Cadangkan cara untuk menangani ajaran sesat di tempat anda. [2 markah]
- (c) i. Terangkan **dua** perbezaan antara iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Khawarij. [4 markah]
- 2 (a) Binatang yang mati tanpa disembelih adalah haram dimakan.
 i. Nyatakan maksud sembelihan [2 markah]
 ii. Nyatakan **dua** syarat sah binatang yang disembelih [2 markah]
 iii. Jelaskan **dua** hikmah sembelihan dalam Islam. [4 markah]
- (b) Lian ialah proses yang melibatkan suami dan isteri.
 i. Nyatakan sebab berlaku lian. [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** kesan sumpah lian terhadap suami isteri. [4 markah]
- (c) Ibubapa yang berkemahiran dapat membentuk anak-anak yang soleh dan solehah.
 i. Nyatakan hukum melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak. [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** tanggungjawab mendidik anak-anak [4 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

- 3 (a) i. Nyatakan cara perlantikan Saidina Uthman bin Affan sebagai khalifah ketiga. [2 markah]
ii. Jelaskan polisi khalifah Uthman r.a selepas dilantik sebagai Khalifah al-Rasyidin [4 markah]
- (b) i. Mengapakah Imam Ahmad bin Hanbal diberi gelaran al-Hakim ? [2 markah]
ii. Jelaskan **dua** sumbangan beliau terhadap tamadun Islam . [4 markah]
- (c) Berekreasi dapat menenangkan fikiran seseorang .
i. Jelaskan **dua** ciri tempat rekreasi yang baik. [4 markah]
ii. Sebagai seorang pelajar , berikan pendapat anda cara untuk mengekalkan keindahan di tempat rekreasi [4 markah]
- 4 (a) Ketenteraan memainkan peranan yang penting dalam menjaga keamanan negara .
i. Jelaskan peranan utama tentera di zaman Abbasiyyah . [2 markah]
ii. Terangkan **dua** faktor yang mendorong kejayaan pasukan tentera Islam pada zaman kerajaan Abbasiyyah . [4 markah]
- (b) Hamka merupakan tokoh Islam yang terkenal di nusantara
i. Namakan **dua** karya beliau . [2 markah]
ii. Jelaskan **dua** method yang digunakannya untuk mengembangkan dakwah . [4 markah]
- (c) i. Nyatakan **dua** perbezaan antara hadiah dan sedekah . [4 markah]
ii. Terangkan **dua** kelebihan memberi hadiah dan sedekah . [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,


(Pn. Rahimah bt Hassan)

Disemak oleh,


(Pn. Norlizah bt Said)

[Lihat sebelah
SULIT

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com